

AKHBAR : KOSMO**MUKA SURAT : 3****RUANGAN : NEGARA**

Pengumuman mengenainya akan dibuat Menteri Kesihatan tidak lama lagi

Peringkat akhir selaras harga ubat



KUALA LUMPUR — Kerajaan kini dalam peringkat akhir untuk mengenal pasti mekanisme terbaik dalam usaha menyelaras semula harga ubat-ubatan bagi memastikan ia dipasarkan pada harga yang berpatutan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Ekonomi, Saifuddin Nasution Ismail (gam-

bar) berkata, kaedah tersebut pada masa ini sedang diteliti oleh Kementerian Kesihatan. "Saya difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan dalam peringkat akhir menentukan mekanisme untuk menyelaraskan harga ubat.

"Mereka kini sedang menyenaraikan jenis ubat-ubatan yang mungkin dirasakan perlu untuk

disenaraikan pada kadar berpatutan.

"Pengumuman mengenainya mungkin akan dilakukan oleh Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkefly Ahmad tidak lama lagi," katanya pada sidang media selepas Karnival Jualan i-Keep di Pantai Dalam, di sini semalam.

Pada November tahun lalu, Dr. Dzulkefly mengumumkan ba-

hawa harga ubat akan dikawal melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan.

Dalam pada itu, jelas Saifuddin, kementeriannya yang mempunyai kekuatan 2,300 pegawai penguat kuasa akan menjalankan penguatkuasaan untuk mengawal harga ubatan sebaik kawalan harga itu diperkenalkan.